



## KENYATAAN MEDIA

### PROGRAM KERJA AMAL KEMASYARAKATAN PRSM & AADK BERSAMA YB TMDN II DI YAN, KEDAH DARUL AMAN.

18 SEPTEMBER 2021

---

1. YB. Tuan Jonathan bin Yasin, Timbalan Menteri Dalam Negeri II hari ini hadir untuk sama-sama menyumbang tenaga dan menyerahkan sumbangan dalam Program Kerja Amal Kemasyarakatan PRSM: Program Kami Prihatin @ Kebajikan Demi Kepulihan di Yan, Kedah Darul Aman anjuran Persatuan Pembimbing Rakan Sebaya (PRSM) dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan.
2. Ia adalah strategi pengupayaan sosial (*social empowerment*) oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan ahli-ahli PRSM untuk berinteraksi dan mengadakan kerja amal dan aktiviti kebajikan yang secara langsung mewujudkan komuniti sejahtera dan mempromosi kehidupan sihat tanpa dadah.
3. Program itu bertujuan membantu keluarga yang terkesan akibat tragedi banjir lumpur yang kerap berlaku sejak Ogos lalu di sekitar Yan. Tujuh keluarga terdiri daripada keluarga Klien Pengawasan dan keluarga ahli Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah (JKPD) dibantu dengan mengagihkan barangan keperluan harian, pembaikan kecil kediaman serta kawasan persekitaran yang mengalami kerosakan akibat musibah bencana alam tersebut.

4. Program berbentuk agihan sumbangan barangan keperluan harian dan gotong royong itu adalah inisiatif YB Tuan Jonathan untuk berada dekat dengan masyarakat dan bersama-sama AADK dan PRSM dalam usaha meringankan beban dan emosi mangsa terjejas. Sebanyak tujuh buah rumah mangsa yang terdiri daripada tiga orang klien AADK dan empat ahli JKPD Daerah Yan telah disantuni di dalam program berkenaan.
5. Selain itu, program itu juga bertujuan memperkenalkan PRSM sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) naungan AADK yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat melalui kerja-kerja amal dan sukarela. Keahlian PRSM terdiri daripada klien atau bekas pelatih Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) yang sedang menjalani kepulihan dalam komuniti. Program kerja amal ini adalah salah satu pendekatan AADK untuk memperlihatkan bahawa mereka juga bersedia dan mampu menyumbang idea, tenaga dan kepakaran kepada masyarakat sama seperti orang lain.
6. Program ini diharapkan boleh mendekatkan lagi hubungan AADK dengan masyarakat selain mengukuhkan kefahaman masyarakat untuk memahami proses kepulihan klien sekali gus untuk menghilangkan persepsi dan stigma negative terhadap klien AADK.
7. Turut hadir, Encik Sutekno Ahmad Belon, Ketua Pengarah AADK, Yang Mulia Tunku Iskandar Shah Bin Tunku Muzaffar Shah, Pegawai Daerah Yan, Dato' Dr. Muhamad Sade bin Mohamad Amin, Timbalan Ketua Pengarah Operasi AADK, Tuan Mohd Rizal bin Tawil, Pengarah AADK Kedah, serta Encik Abdul Azyadee b. Abd. Wahid, Yang Dipertua PRSM.

**UNIT MEDIA DAN KOMUNIKASI KORPORAT  
AGENS ANTIDADAH KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

---